

# INOVASI RAUDHATUL KAUTHAR i-RK

Zanariah bte Said  
Guru Besar  
SK Taman Anggerik, Johor Bahru, Johor

## ABSTRAK

Inovasi j-QAF ialah satu projek dalam Pengurusan Kurikulum bagi memantapkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Agama Islam dan Bahasa Arab. Inovasi j-QAF ini diberi penjenamaan semula di SK Taman Anggerik sebagai i-RK iaitu **Inovasi Raudhatul Kauthar**. Ia diimplementasikan daripada teori **Vygotsky** iaitu berkonsepkan *scalfolding* dengan menyediakan ruang dan peluang untuk murid belajar. Inovasi yang dijalankan adalah dalam empat bahagian iaitu JAWI - **Simulator Golf**, Q-Al Quran – **Klinik Iqra**, A-Arab inovasi **Baiti Jannati**, dan F untuk fardhu ain inovasi **Roda Solat**. Impak keberhasilan dalam projek i-RK ini dapat dicapai dalam pelbagai bidang antaranya dari segi kepimpinan, bidang akademik, pengurusan HEM, Ko-kurikulum dan pelibatan ibu bapa dan PIBK. Kejayaan projek ini dapat dilihat dari segi anugerah yang diterima contohnya Anugerah Pertandingan bilik j-QAF peringkat Negeri Johor, Anugerah ikon PIBK daerah Johor Bahru oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan pelantikan SKTA sebagai sekolah uji rintis Bahasa Arab Tahun 2 oleh pihak KPM. Projek i-RK ini memberikan peluang ke arah penyediaan bahan bantu mengajar secara maujud dan interaktif bersesuaian dengan PAK21 dan budaya **kerja sepasukan. PdPC yang berorientasikan Pendidikan Abad ke-21** membolehkan **SK Taman Anggerik** dinobatkan sebagai **Sekolah Showcase PAK21 di Negeri Johor**. Jaringan dan jalinan di peringkat pengantarabangsaan juga dapat dijalin antara SK Taman Anggerik dengan Sekolah SD 003 Karimun, Indonesia. Kesimpulannya, Projek i-RK ini dapat mewujudkan PdPC yang menarik minat murid untuk belajar mata pelajaran Bahasa Arab dan Pendidikan Agama Islam serta pencapaian enam aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

**Kata kunci:** Kepimpinan, Pendidikan Agama Islam, Bahasa Arab, PdPC Abad ke-21

## PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran merupakan nadi dan aktiviti di sekolah. Sebagai pemimpin instruksional usaha untuk meningkatkan keupayaan dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan adalah menjadi keutamaan. Persekitaran pembelajaran yang baik dapat meningkatkan motivasi semua warga sekolah untuk berusaha ke arah kecemerlangan akademik, sahsiah dan ko kurikulum. Anjakan ke-3, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025, iaitu melahirkan rakyat yang menghayati nilai dengan mengukuhkan Pendidikan Agama Islam yang berteraskan Falsafah Pendidikan Islam Kebangsaan, maka projek inovasi j-QAF ini dilaksanakan di SK Taman Anggerik. Objektif projek ini adalah untuk memantapkan Pendidikan Abad ke-21, membentuk keperibadian modal insan yang unggul bertepatan dengan enam aspirasi murid, mengoptimumkan penggunaan bilik j-QAF dengan kepelbagaian aktiviti dan memupuk budaya kerja sepasukan dalam kalangan warga sekolah.

## LATAR BELAKANG SEKOLAH

SK Taman Anggerik merupakan sebuah sekolah dalam daerah Johor Bahru. Sekolah ini dibuka pada tahun 2001. Jumlah murid seramai 393 orang dan jumlah guru seramai 30 orang. Antara kejayaan SK Taman Anggerik ialah berjaya menjadi sekolah Band 1 dari tahun 2012 hingga tahun 2015. Pada 22hb. Julai 2017, SK Taman Anggerik telah mendapat anugerah New Deal bagi tahun 2015.

## INOVASI/AMALAN TERBAIK

Inovasi j-QAF ialah satu projek dalam Pengurusan Kurikulum bagi memantapkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Agama Islam dan Bahasa Arab. Inovasi j-QAF ini diberi penjenamaan semula di SK Taman Anggerik sebagai i-RK iaitu **Inovasi Raudhatul Kauthar**. Ia diimplementasikan daripada teori Vygotsky iaitu berkonsepkan *scalfolding* dengan menyediakan ruang dan peluang untuk murid belajar. Inovasi yang dijalankan adalah dalam empat bahagian iaitu JAWI - **Simulator Golf**, Q-Al Quran – **Klinik Iqra**, A-Arab inovasi **Baiti Jannati**, F-untuk fardhu ain - inovasi **Roda Solat**.

Melalui sumbangsaran dengan semua GPK dan Ketua Panatia menggunakan analisis SWOC, beberapa isu diperoleh. Antaranya, pelibatan guru mata pelajaran Agama Islam dalam aktiviti sekolah dan mata pelajaran j-QAF tidak diminati. Mata pelajaran Bahasa Arab, Fardhu Ain, Al Quran dan Pelajaran Jawi tidak diminati berpunca daripada;

- 1.1 Peratus Pelaporan j-QAF yang rendah di mana Pencapaian Khatam Al Quran yang rendah bagi murid-murid Tahun 6
- 1.2 Bilik j-QAF yang suram dan tidak kondusif
- 1.3 Bahan PdPC yang terhad

## Strategi Projek

Pelaksanaan Projek i-RK dilakukan melalui pendekatan PDCA (Plan-Do-Check-Action).

Jadual 1.

*Perancangan, pelaksanaan, penilaian dan penambahbaikan projek i-RK*

Pendekatan PDCA		Program	Tarikh
Plan	Persediaan	Perbincangan dengan GPK, JU Bahasa Arab Kebangsaan, Ketua Panatia Agama Islam. Taklimat tentang projek Penubuhan Jawatankuasa Projek	Januari 2016

Do	Pelaksanaan	Lawatan Penandaarasan Kumpulan <i>Think Tank</i> Inovasi i-RK Pembinaan i-RK-3 inovasi dalam Bahasa Arab-Baiti Jannati Simulator Golf Klinik Iqra Roda Solat Laman-laman Santai, Info, Interaktif	Januari hingga Ogos 2016
Check	Penilaian	Pemantauan fail oleh GB dan GPK Pelaporan j-QAF online Pemantauan PPDJB Pemantauan JPN	Jun 2016 Oktober 2016 November 2016
Action	Penambahbaikan dan Perluasan Projek	Program Jaringan Program Pengantarabangsaan Perluasan projek Panatia lain dan bilik darjah	November 2016 Januari-November 2017

## CABARAN

Cabaran utama pelaksanaan adalah untuk mewujudkan kerja sepasukan dalam organisasi. Guru-guru *senior* yang sudah selesa dengan budaya kerja yang tidak mementingkan persekitaran yang kondusif. Guru-guru muda yang masih tidak tahu cara untuk mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran. Sikap ibu bapa yang beranggapan setiap aktiviti sekolah adalah menjadi tanggungjawab guru di sekolah. Cabaran yang seterusnya adalah sumber kewangan. Bagi melaksanakan sesuatu projek, kos perbelanjaan adalah menjadi salah satu punca sesuatu projek itu tidak dapat dilaksanakan.

Bagi mengatasi cabaran ini langkah-langkah berikut telah dilaksanakan:

- i. Taklimat pembangunan sekolah dalam sembilan bidang utama bersama SIP melibatkan semua guru.
- ii. Penandaarasan ke Sekolah Kebangsaan Temenggong Abdul Rahman 1 untuk melihat persekitaran sekolah.
- iii. Dalam Mesyuarat Agong PIBG, PGB menyampaikan taklimat kebersamaan ibu bapa dalam aktiviti sekolah dan menekankan berkaitan Anjakan 9 dalam PPPM.
- iv. PLC diadakan bagi memantapkan PdPC guru muda dan juga pelibatan ibu bapa serta mendapatkan sumber kewangan.
- v. Menggerakkan *middle leaders* di sekolah dan melantik kumpulan *Think Tank* yang terdiri daripada Ketua Panatia dan JU Bahasa Arab peringkat kebangsaan.
- vi. Pelibatan Sarana Ibu Bapa, PIBK dan PIBG bagi mendapatkan sumber kewangan bagi pelaksanaan projek menerusi kertas kerja yang dibuat dan dihantar kepada syarikat-syarikat swasta, PIBG dan PIBK.

## IMPAK KEBERHASILAN

Projek i-RK membawa impak keberhasilan dalam pelbagai bidang. Antara lain ianya memberi impak kepada beberapa bahagian:

### Kepimpinan

Guru Besar sebagai **pemimpin strategik** sekolah telah membuat analisis SWOC untuk melihat kekuatan dan peluang yang ada di SK Taman Anggerik. Kepimpinan teragih kepada kumpulan *middle leaders* dan ketua-ketua panatia bagi menjayakan projek i-RK ini.



Rajah 1. Inovasi dalam i-RK

### Bidang Kurikulum


- i. Peningkatan pencapaian Khatam Al Quran, Pelajaran Jawi dan Bahasa Arab.
- ii. Penggunaan Bilik i-RK oleh Panatia lain.
- iii. Pelaksanaan PAK21 dengan lebih intensif.
- iii. Kepelbagaian sumber bahan.
- iv. i-RK sebagai pusat *self-access learning*.
- v. Sekolah Showcase PAK21 2018

## Bidang Ko-kurikulum

Penyertaan yang pertama kali dalam pertandingan Kalam Jamaie telah membuahkan hasil di mana SK Taman Anggerik telah menjadi Naib Johan Kalam Jamaie peringkat daerah Johor Bahru.

## Bidang HEM

Peratus kehadiran murid meningkat seperti yang dibuktikan dalam graf yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2. Graf kehadiran murid yang diambil daripada APDM

## Pelibatan Ibu Bapa dan Sarana Ibu Bapa dan PIBK

Projek i-RK telah memberi peluang pelibatan KSIB membantu menyediakan bahan-bahan untuk ditampal pada dinding-dinding dan di setiap laman i-RK. Ibu bapa turut menjayakan projek i-RK. Ibu bapa juga melibatkan diri (engagement) membawa anak-anak dalam aktiviti pihak luar seperti Pertandingan Nasyid dan Pertandingan Kompang yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan berjaya menjadi johan. Sumbangan kewangan juga diperoleh daripada Pihak Ecoworld sebanyak RM10,000 untuk pembelian peralatan *virtual learning*, sumbangan daripada pihak swasta, percambahan idea dengan SK Agama Taman Anggerik dan Jawatan Kuasa Keselamatan Taman Anggerik. Projek ini juga dapat membuktikan silang budaya dapat direalisasikan. Pelibatan murid India dalam Pertandingan Kompang membuktikan silang budaya dapat diterapkan. Kejayaan projek ini menarik minat ibu bapa untuk sama turun padang melayakkan SKTA dianugerah sebagai sekolah ikon PIBK dalam daerah Johor Bahru.

## Jaringan dan Pengantarabangsaan

Kejayaan SK Taman Anggerik dalam inovasi i-RK ini telah melayakkan SKTA menerima anugerah inovasi bilik j-QAF. Program Penandaarasan dari sekolah-sekolah di dalam Daerah Johor Bahru seperti SK Taman Bukit Kempas, SK Seri Perling 2, SK Taman Universiti 1, SK Taman Universiti 3 dan SK Kempas. Ini memberi peluang perkongsian inovasi dan penyediaan bilik yang kondusif. Perkongsian dalam facebook juga telah mendapat *like* yang berjumlah melebihi 30,000. Projek i-RK telah memberi peluang kepada seorang murid SKTA menyertai pertandingan Bahasa Arab di SD 003 Tebing Tinggi, Karimun pada 26 Oktober 2017.

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Projek i-RK ini pada masa hadapan akan diperluaskan dengan menyediakan *story board* tajwid dan diperluaskan pada mata pelajaran teras yang lain. Projek ini diharapkan dapat dimanfaatkan dan menjadi pemangkin kemenjadian murid secara holistik dan dapat diamalkan dalam kehidupan seharian dan pembudayaan kerja sepasukan dapat diteruskan.

## **KESIMPULAN**

Projek i-RK dapat menarik minat murid untuk belajar membaca Iqra dan Al Quran. Kerja sepasukan dapat dipupuk di mana terdapat guru-guru subjek yang bukan beragama Islam turut mengajar anak-anak membaca Al Quran. Pemupukan akhlak yang bertambah baik dalam kalangan murid-murid dan guru-guru serta pemupukan nilai murni dalam diri modal insan.

## **RUJUKAN**

- Alimuddin Mohd Dom (2006). *Peranan pengetua dan guru besar dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah*. Kementerian Pelajaran Malaysia: Kuala Lumpur.
- Davies, B., & Ellison, L. (1949). *Strategic marketing for schools*. Pearson Education: Edinburgh Gate, United Kingdom.
- Hussein Mahmud (1993). *Kepimpinan dan keberkesanan sekolah*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). *Memperkasa Kepimpinan Instruksional di sekolah*. Perniagaan Rita: Kuala Lumpur.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Salleh Mohd Husein (2006). *Kepimpinan Instruksional menjana keberkesanan sekolah*, Kementerian Pelajaran Malaysia: Kuala Lumpur.